



**MODUL PINTAS SPM 2023**  
**PERNIAGAAN**  
**TINGKATAN 5**  
**KERTAS 1**

**3766/ 1**

**1 Jam 15 Minit**

---

**PERNIAGAAN  
KERTAS 1**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

- 1 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan koperasi?.
  - A Nora menjual saham yang dilabur
  - B Zaki membayar cukai persendirian
  - C Jamal dan Kamal menyumbang modal bersama
  - D Amir memberi pendapat semasa mesyuarat agung
- 2 Maklumat di bawah merupakan dialog antara Ahmad dan Nabil.

Ahmad : Nabil, bagaimana dengan prestasi perniagaan kamu sekarang?.

Nabil : Bolehlah Ahmad, untung pun sedikit sahaja. Kamu pula bagaimana?.

Ahmad : Biasalah Nabil. Perniagaan secara kongsi ini, untung pun kongsi juga.

- Apakah kelemahan lain yang dihadapi oleh Ahmad?.
- A Maklumat perniagaan didedahkan
  - B Liabiliti tidak terhad
  - C Kongsi untung
  - D Cukai tinggi
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan En. Manaf.

En. Manaf menerima latihan dan bimbingan daripada syarikat induk untuk menguruskan perniagaan yang dijalankan.

- Apakah bentuk perniagaan yang diceburi oleh En. Manaf ?.
- A Syarikat Berhad
  - B Usahasama
  - C Perkongsian
  - D Francais
- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti perniagaan.

Kedai Sukan Sri Sukma menjual pelbagai jenis alatan sukan raket dan mempunyai pekerja seramai 25 orang.

Pilih klasifikasi perniagaan yang terlibat.

	Sektor	Saiz
A	Sekunder	Sederhana
B	Primer	Sederhana
C	Utama	Kecil
D	Tertier	Kecil

5 Maklumat berikut berkaitan dengan syarikat Mamee.

Bermula dari Melaka ke seluruh Malaysia, jenama makanan ringan Mamee kini berada di pasaran 80 buah negara.

Sumber *sinarharian.com.my*, 16 September 2020

Apakah skala pasaran yang terlibat?

- A Global
- B Zon
- C Negeri
- D Kebangsaan

6

Era 1990-an

Antara berikut, yang manakah terlibat dengan situasi tersebut?.

- A Melibatkan pihak kerajaan dan swasta
- B Meneroka alam semulajadi
- C Sektor dagangan dan peruncitan
- D Penyumbang utama eksport negara

7 Situasi manakah menunjukkan masalah pengangguran struktur dapat diatasi?.

- A Subsidi upah diberi kepada usahawan
- B Pekerja mempunyai pelbagai kemahiran
- C Teknologi terkini digunakan sepenuhnya
- D Kadar faedah pinjaman meningkat

8 Trend persekitaran mendatar berlaku apabila...

- A sumber manusia yang produktif.
- B jualan meningkat 10% setiap bulan.
- C prestasi perniagaan masih konsisten.
- D pengurusan perniagaan yang cekap.

9 Maklumat berikut berkaitan dengan gaya pengurusan.

- Wujud hubungan baik antara majikan dengan pekerja
- Masih wujud risiko kegagalan dalam mencapai matlamat yang ditetapkan


Apakah gaya pengurusan yang di gambarkan di atas?

- A Autokratik
- B Sokongan
- C Demokratik
- D Sederhana

10 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kesan perubahan persekitaran perniagaan dari aspek undang-undang?

- I Lambakan barang import
  - II Pembangunan dalam teknologi
  - III Kewujudan sistem perniagaan secara adil
  - IV Melindungi hak semua pihak dalam perniagaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

11



Apakah Y?

- A Visi
- B Misi
- C Objektif
- D Pelan tindakan

12 Logo 1 merupakan sebuah organisasi.



Logo 1

Pilih objektif yang sesuai dengan organisasi tersebut?.

- A Menawarkan pelbagai jenis makanan
- B Memaksimumkan keuntungan produk makanan
- C Menyebarluaskan maklumat tentang nutrisi makanan berkesan
- D Menyediakan perkhidmatan teknik pemasaran makanan terbaik

13 Antara berikut manakah kesan kegagalan mencapai objektif perniagaan?.

- A Imej perniagaan terjejas
- B Persaingan yang kompetitif
- C Prestasi perniagaan konsisten
- D Mampu membayar kos perniagaan

- 14 Antara berikut, manakah menunjukkan perubahan faktor dalaman sesebuah perniagaan?.
- A Penggunaan teknologi yang terkini
  - B Keadaan ekonomi semakin maju
  - C Kebolehan pekerja yang pelbagai
  - D Polisi undang-undang yang baharu

- 15 Maklumat berikut berkaitan sebahagian aspek untuk membentuk carta organisasi.

- Agihan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilakukan.
- Tugas berdasarkan tahap jawatan yang dipegang.

Apakah aspek tersebut?.

- A Jenis tugas
- B Pembahagian kerja
- C Hierarki pengurusan
- D Hubungan antara ketua dengan pekerja

- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan matlamat sebuah organisasi.

Setiap produk yang dihasilkan mesti mempunyai produktiviti tinggi dan penggunaan kos yang berkesan.

Bahagian fungsian manakah akan membantu matlamat tersebut tercapai?.

- A Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- B Penyelidikan dan Pembangunan
- C Pengeluaran
- D Pentadbiran

- 17 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan pembangunan produk?.

- A Memilih idea produk baharu
- B Mengkaji unjuran kewangan
- C Menghasilkan prototaip produk
- D Menguji konsep baharu produk

- 18 Maklumat berikut berkaitan kelebihan aplikasi teknologi maklumat yang digunakan oleh Nor Alfa Batik.

- Memudahkan pelanggan mengetahui maklumat berkaitan batik
- Pelanggan boleh membuat tempahan dengan segara.

Apakah aplikasi teknologi maklumat tersebut?.

- A e-mail
- B e-dagang
- C e-banking
- D e-pemasaran

19 Maklumat berikut berkaitan dengan proses komunikasi.

Puan Nora terlupa membawa dokumen rancangan perniagaan untuk menghadiri mesyuarat. Beliau meminta kerani supaya menghantar melalui e-mel kepadanya.

Proses komunikasi manakah yang tepat dengan situasi tersebut?

- A Puan Nora → Enkod → Saluran → Dekod → Kerani → Maklum balas
- B Puan Nora → Dekod → Saluran → Enkod → Kerani → Maklum balas
- C Kerani → Dekod → Saluran → Enkod → Puan Nora → Maklum balas
- D Kerani → Enkod → Saluran → Dekod → Puan Nora → Maklum balas

20 Sistem pemberhentian kerja yang sistematik penting untuk...

- A menghargai pekerja.
- B mewujudkan budaya profesional.
- C mengelakkan pembaziran sumber manusia.
- D mengurangkan kesilapan tugas semasa bekerja.

21 Maklumat berikut berkaitan Puan Rose.

Puan Rose bercadang untuk bersara awal

Apakah sebab pemberhentian beliau?

- A Penamatan perkhidmatan secara sukarela
- B Penamatan perkhidmatan secara wajib
- C Penamatan perkhidmatan secara paksaan
- D Penamatan perkhidmatan secara pemberhentian

22 Maklumat berikut berkaitan carta organisasi.

- Dikenali sebagai sistem berbilang arah
- Kombinasi dua jenis struktur organisasi

Apakah jenis struktur organisasi tersebut?

- A Berdasarkan produk
- B Berdasarkan matriks
- C Berdasarkan wilayah
- D Berdasarkan pelanggan

23 Maklumat berikut berkaitan dengan Aqil.

Aqil bekerja sebagai pegawai pemasaran yang dibayar gaji asas berjumlah RM3000 sebulan. Kadar caruman KWSP bahagian pekerja ialah 11% dan bahagian majikan ialah 13%.


Hitung jumlah caruman KWSP yang perlu dibayar Aqil.

- A RM 700
- B RM 720
- C RM 330
- D RM 390

24 Antara yang berikut, yang manakah sumber fizikal?.

- I Novel Pantai Kasih
  - II Mesin Pencetak
  - III Air Mineral
  - IV Window 10
- A I dan II
  - B II dan III
  - C II dan IV
  - D I dan IV

25 Gambar 1 menunjukkan jenis sumber teknologi.



Gambar 1

Apakah sumber teknologi tersebut?.

- A Produk siap
- B Harta intelek
- C Lesen perisian
- D Peralatan teknologi dan maklumat

26 Maklumat berikut berkaitan kemudahan yang disediakan oleh sebuah agensi.

- Dana Fasilitasi
- Dana Inno

Apakah agensi terlibat?.

- A MOSTI
- B TEKUN
- C MARA
- D CGC

- 27 Gambar 2 menunjukkan pengangkutan yang akan dibeli oleh sesebuah perniagaan.



Gambar 2

- Apakah sumber pembiayaan yang sesuai?.
- A Sewa Beli
  - B Pajakan
  - C Overdraf
  - D Pemfaktoran
- 28 Apakah kelebihan penggunaan simpanan sendiri sebagai modal?.
- A Faedah pinjaman tinggi
  - B Memerlukan cagaran
  - C Modal yang besar
  - D Cepat dan ringkas
- 29 Antara yang berikut, yang manakah terdapat dalam Kunci Kira-Kira?.
- I Kos Belian
  - II Jualan bersih
  - III Aset semasa
  - IV Ekuiti pemilik
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 30 Antara berikut, siapakah yang memerlukan penyata kewangan perniagaan?.
- A Penghutang
  - B Pelabur
  - C Pekerja
  - D Pelanggan

31

Nisbah semasa ialah 9:1.

Rumusan yang dapat dibuat berkaitan nisbah tersebut ialah...

- A setiap RM9 aset semasa dapat menjelaskan RM1 liabiliti semasa
- B setiap RM1 aset semasa dapat menjelaskan RM9 liabiliti semasa
- C setiap RM1 modal dilaburkan dapat menjelaskan RM9 hutang
- D setiap pelabur mendapat dividen sebanyak RM9 untuk 1unit saham

32 Maklumat berkaitan dengan En. Zarif.

En. Zarif merupakan seorang pemaju perumahan pernah mengalami kegagalan semasa kegawatan ekonomi tetapi beliau masih berusaha untuk menyiapkan projek yang terbengkalai.

Apakah ciri-ciri keperibadian usahawan yang terlibat?.

- A Kreatif dan inovatif
- B Komitmen yang tinggi
- C Berani mengambil risiko
- D Pandai mengambil peluang

33 Pilih padanan yang benar.

	Stok	Contoh
A	Stok bergerak perlahan	Gula
B	Stok bergerak perlahan	Telur ayam
C	Stok bergerak pantas	Tepung gandum
D	Stok bergerak pantas	Komputer riba

34 Maklumat berikut berkaitan dengan lokasi perniagaan Siti.

- Terletak di pusat Bandaraya Kuantan
- Mempunyai parkir yang banyak

Antara berikut, manakah ciri-ciri lokasi perniagaan Siti?.

- I berhampiran dengan pembekal
  - II kemudahan alat yang cukup
  - III mudah untuk dikunjungi
  - IV tumpuan orang ramai
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

38 Gambar 3 menunjukkan sebuah basikal.



Gambar 3

Apakah strategi campuran pemasaran dari aspek produk tersebut?.

- A Merancang teknik jualan basikal berkala
- B Menetapkan harga basikal yang bersesuaian
- C Memastikan agihan basikal sampai kepada pelanggan
- D Menggunakan kerangka basikal yang berkualiti tinggi

39 Gambar 3 menunjukkan salah satu kaedah pemasaran.



Gambar 4

Apakah kaedah tersebut?.

- A Jualan langsung
- B Promosi jualan
- C Pengiklanan
- D Publisiti

40 Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan?.

- A Dokumen bertulis menerangkan maklumat perniagaan yang akan dijalankan
- B Dokumen perniagaan yang menunjukkan usrus niaga yang telah dilakukan
- C Dokumen perniagaan yang perlu disimpan sebagai sebagai bukti urus niaga
- D Dokumen bertulis menjelaskan tentang visi,misi dan objektif perniagaan

#### KERTAS SOALAN TAMAT